

C. LAWATAN KUKUM KE KOREA RINTIS HUBUNGAN BARU

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) maju setapak lagi apabila kunjungan ke beberapa buah universiti di Seoul, Korea Selatan pada 8 September lalu mendapat respon yang positif dan dilihat sebagai perintis jalan ke arah perhubungan pengantarabangsa dan kepelbagaian cabang disiplin yang lebih global. Lawatan telah diketuai oleh DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Tuanku Canselor KUKUM dan DTYM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis dan diiringi Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor, Abdul Rahman Mohd Saad, Pengarah Pusat Kejuruteraan, Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid, Pengarah Jabatan Pembangunan dan Mohd Ezral Baharudin, Pegawai Latihan Vokasional, Pusat Kejuruteraan KUKUM.

Menurut Ezral Baharudin, antara lain tujuan lawatan tersebut adalah bagi menyaksikan Pertandingan Akhir Robot Peringkat Asia Pasifik 2004 (ROBOCON), mengadakan lawatan ke universiti-universiti terkemuka di Korea Selatan, mencari Penasihat Akademik Luar KUKUM dan tidak ketinggalan mencari pelajar-pelajar Malaysia yang berminat untuk bekerja di KUKUM atau mereka-mereka yang berminat untuk menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah di bawah tajaan KUKUM. Rombongan KUKUM yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Icheon, Seoul pada 9 September lalu telah disambut oleh Dato'

Savannathan, Duta Besar Malaysia ke Korea Selatan. Semasa di sana Tuanku Syed Faizuddin dan Rektor KUKUM telah sempat bertemu dan beramah mesra dengan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di beberapa buah universiti sekitar Seoul. Semasa hari kedua, rombongan KUKUM dengan diiringi oleh Encik Hamdan, Kaunselor Pelajar dari Pejabat Kedutaan Malaysia di Korea Selatan telah mengunjungi Hanyang University (HU).

Delegasi KUKUM telah berkesempatan bertemu dengan Dekan Perhubungan Antarabangsa Hanjang Universiti sebelum dibawa melawat ke makmal-makmal kejuruteraan yang terdapat di situ. KUKUM juga turut diperkenalkan kepada Prof. Ho iaitu penyelia kepada salah seorang pelajar Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah di universiti tersebut. Prof. Ho adalah Pengerusi Brain Korea Group, satu badan elit di Korea Selatan. Hasil dari pertemuan tersebut, Dato' Rektor telah menyatakan hasrat beliau untuk menjadikan Prof. Ho sebagai Penasihat Luar KUKUM. Respon kepada tawaran tersebut akan

diperolehi dalam masa terdekat ini. Di sebelah petang pula, lawatan diteruskan ke Seoul National University (SNU). Di universiti ini mereka telah bertemu dan diperkenalkan kepada Dekan Fakulti Kejuruteraan dan dibawa melawat ke makmal-makmal kejuruteraan dan diberi sedikit taklimat berhubung dengan kemudahan serta prasarana yang terdapat di universiti tersebut.

Delegasi KUKUM sempat bertukar-tukar pandangan dan idea selain melihat peluang-peluang yang boleh merintis kepada hubungan kerjasama di antara kedua-dua buah universiti. Pada hari ketiga lawatan, Tuanku Canselor serta delegasi KUKUM telah menyaksikan Pertandingan Robocon Asia Pasifik 2004 yang diadakan di Olympic Gymnasium, Seoul. Pada pertandingan akhir tersebut, pasukan dari negara Vietnam telah diisytiharkan sebagai juara Edisi 2004 dengan mengalahkan lebih kurang 20 pasukan lain yang mewakili negara masing-masing dari Zon Asia Pasifik. Malaysia telah diwakili oleh pelajar-pelajar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).